



Pengiktirafan Status Produk Halal

MALAYSIA berada pada kedudukan teratas dalam senarai 15 buah negara bagi status hab halal untuk tiga sektor, iaitu makanan halal, kewangan Islam dan pelancongan Islam. Berdasarkan *Laporan State of The Global Islamic Economy 2015/2016* yang diterbitkan oleh Thomson Reuters & Dinar Standard, Malaysia berjaya meraih sebanyak 116 markah bagi ketiga-tiga sektor itu, mendahului Emiriyah Arab Bersatu (UAE) yang memperoleh 63 markah, Bahrain (58) dan Arab Saudi (49).

Laporan itu, walau bagaimanapun, tidak menyenaraikan Malaysia dalam kalangan 10 negara terbaik untuk sektor fesyen, media, rekreasi, kosmetik dan farmaseutikal. Sistem perundangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan punca Malaysia tidak boleh mencapai status halal dalam sektor kosmetik dan farmaseutikal memandangkan hingga kini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) masih tidak boleh meletakkan label halal pada produk farmaseutikal kerana menyalahi peraturan, selain menimbulkan beberapa impak terhadap pengguna serta pengusaha.

Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia yang melibatkan kerajaan dalam penyediaan

penjiliran halal pada produk dan perkhidmatan. Hal ini berbeza daripada amalan di negara lain, yakni sokongan penuh penjiliran halal hanya dibangunkan oleh individu, pihak berkuasa wilayah atau sekadar menerima galakan daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan. Di Malaysia, JAKIM membangunkan Sistem Jaminan Halal (*Halal Assurance Management System*) sebagai satu daripada inisiatif untuk membantu pemegang dan pemohon sijil halal bagi memastikan pengurusan proses penghasilan produk halal dan rantaianya terjamin.

Sistem yang dibangunkan pada tahun 2011 diwujudkan bagi memastikan status halal mentah, proses dan produk halal terjamin dan dapat dipantau secara baik serta berterusan. Bahkan bagi memastikan bahawa sistem jaminan halal ini berjalan dengan baik dan berkesan, JAKIM turut menetapkan syarat supaya organisasi yang memohon penjiliran halal membentuk jawatankuasa halal dalaman yang bertanggungjawab untuk menjalankan Sistem Jaminan Halal dalam organisasi mereka.

Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia yang melibatkan kerajaan dalam penyediaan penjiliran halal pada produk dan perkhidmatan.

Pada tahun 2013, penguatkuasaan Sistem Jaminan Halal diwajibkan terhadap syarikat makanan halal antarabangsa sebagai persediaan untuk memohon pensijilan halal. Aspek halal bukan setakat bersih dan suci, malah setiap proses penyediaan makanan tersebut perlu dijamin khasiatnya termasuklah proses penyediaan bahan makanan tersebut, iaitu mestilah daripada bahan yang dibenarkan dengan cara yang bersih, suci dan selamat menurut syarak tanpa menimbulkan sebarang keraguan terhadap penyediaan kualiti makanan halal tersebut.

Sehubungan dengan itu, Malaysia sebagai sebuah negara Islam di rantau ASEAN mempunyai peluang yang strategik dan terbentang luas untuk menjadi hab halal dunia. Dengan jumlah populasi umat Islam dunia yang menjangkau 2.08 bilion orang dengan nilai pasaran halal dunia yang menjangkau RM17 trilion, Malaysia tidak seharusnya melepaskan peluang keemasan untuk menjadi peneraju hab halal dunia begitu sahaja. Produk makanan halal mempunyai potensi yang amat tinggi nilainya, iaitu sejumlah RM190 bilion setiap tahun berdasarkan jumlah 2.1 bilion populasi masyarakat Islam di seluruh dunia.

Perkembangan yang positif ini dipacu oleh tahap kefahaman yang tinggi masyarakat dunia terhadap kepentingan konsep makanan halal, iaitu bersih dan selamat hingga menjadikan konsep halal sebagai tanda aras kebersihan dan keselamatan dalam industri makanan. Malah konsep halal dijadikan peralatan baharu dalam pemasaran produk yang berkaitan dengan industri pemakanan. Kesannya konsep halal telah digunakan secara holistik dalam menjaga hal yang berkaitan dengan integriti kebersihan dan keselamatan makanan termasuklah pelbagai cabang industri pembuatan yang lain, seperti produk bukan makanan dan industri perkhidmatan halal.

Penghasilan makanan yang tidak tulen kehalalannya boleh meninggalkan kesan negatif yang bukan sedikit kepada pembentukan akhlak dan jiwa seorang Muslim. Di Malaysia, dalam konteks pengurusan kualiti makanan halal, mekanisme pengurusan pembangunan berteraskan Islam



dilihat sebagai suatu mekanisme penting dalam konteks pengurusan kualiti makanan halal. Prinsip dan kaedah pengurusan dalam industri makanan halal ialah standard halal. Yang penting, prinsip dan kaedah tersebut tidak terpesong daripada syariat Islam.

Oleh itu, bagi memastikan pengurusan pembangunan makanan halal benar-benar berteraskan Islam dan berupaya menyelesaikan isu yang timbul, maka pelaksanaan pengurusan kualiti makanan halal juga hendaklah berlandaskan tasawur Islam itu sendiri. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan bahawa pengurusan kualiti makanan selari dengan perspektif Islam yang menyeluruh, aplikasi standard halal MS1500:2009 sebagai satu standard kualiti Islam sangat penting demi menjaga kesucian konsep halal yang digunakan.

Dalam konteks ekonomi, walaupun negara telah mempunyai infrastruktur halal, masih belum ramai usahawan bumiputera yang beragama Islam yang menggunakannya untuk meningkatkan ekonomi negara. Hal tersebut dapat dibuktikan apabila nilai perbelanjaan industri makanan halal di negara ini mencecah RM7 bilion setahun, berbanding nilai pasaran dunia sebanyak RM12 trilion untuk tempoh yang sama.

Tidak dapat dinafikan bahawa infrastruktur halal memainkan peranan yang penting untuk

Malaysia mencapai status hab halal global pada tahun 2020, namun masih ramai dalam kalangan usahawan bumiputera yang tidak mengambil kesempatan yang terbuka luas untuk memacu sektor produk halal yang berdaya saing. Malaysia sering dilabelkan sebagai contoh terbaik dalam bidang hab halal di beberapa buah negara lain seperti Kemboja, Brunei dan Singapura, tetapi agak menyedihkan jika kita sendiri tidak menggunakan kelebihan yang ada.

Industri produk halal di Malaysia melancarkan perkembangan positif setelah Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) melangkah setapak lagi bagi memperkasakan syarikat pengeluar produk dan menyediakan perkhidmatan halal tempatan ke peringkat dunia dengan memperkenalkan Program Transformasi PERNIAGAAN HALAL. Matlamat utama HDC melancarkan program tersebut adalah untuk membolehkan syarikat halal tempatan bersaing secara kompetitif dalam pasaran global. Pada masa yang sama, program ini diharapkan mampu melengkapkan syarikat yang turut serta dengan pensijilan lain seperti Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritis (HACCP) serta Amalan Pengilangan Baik (GMP).

Komponen utama program itu ialah pembangunan kapasiti, akses pasaran, jenama, dan promosi serta akses kepada pembiayaan. Sementara itu, antara program yang dijalankan

pula termasuklah amalan pengeluaran halal terbaik, sistem kepastian halalan toyibian, bahan alternatif halal dan inovasi produk, akses pasaran untuk produk dan perkhidmatan halal, nilai jenama halal serta perkhidmatan khidmat nasihat pembiayaan Islam.

Program Transformasi PERNIAGAAN HALAL ini bersesuaian dengan perkembangan semasa memandangkan pertumbuhan tahunan bagi syarikat yang mempunyai pensijilan halal adalah sekitar 25 peratus, manakala eksport produk halal Malaysia telah menunjukkan peningkatan 34 peratus. Berdasarkan angka ini, pertumbuhan yang menggalakkan dapat dilihat dan hal ini perlu dipastikan sentiasa berkembang supaya mampu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk meningkatkan ekonomi negara.

Hasrat Malaysia untuk muncul sebagai hab halal dunia dapat direalisasikan dengan terlebih dahulu menjadi pusat penambah nilai. Langkah yang dapat dilaksanakan adalah dengan mensyaratkan produk luar yang ingin mendapatkan pensijilan halal tempatan perlu menghantar produk mereka ke Malaysia sebelum nilai ditambah dilakukan dan kemudian produk itu dieksport semula.

Dengan cara yang demikian, Malaysia bakal mendapat keuntungan dan sijil halal tempatan akan terus diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Industri halal dunia kini dianggarkan bernilai lebih AS\$2 trilion setahun. Dengan jumlah yang sebegitu besar, hal ini sudah tentu dapat menghasilkan pulangan lumayan kepada mana-mana negara atau syarikat yang menumpukan perhatian secara serius bagi menghasilkan produk berstatus halal.

Negara kini di landasan yang tepat untuk menjadi Pusat Rujukan Global bagi Integriti dan Pusat Inovasi Produk dan Perdagangan melalui strategi yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020). Hal ini dikukuhkan lagi dengan penubuhan Majlis Halal Malaysia yang diumumkan pada bulan Februari lalu. Penubuhan ini bakal membawa kepada penyelarasan yang lebih baik dalam pembangunan industri halal, sekali gus mencerminkan komitmen Malaysia untuk menjadi peneraju halal dunia. ●

Malaysia sebagai sebuah negara Islam di rantau ASEAN mempunyai peluang yang strategik dan terbentang luas untuk menjadi hab halal dunia.

Hasrat Malaysia untuk muncul sebagai hab halal dunia dapat direalisasikan dengan terlebih dahulu menjadi pusat penambah nilai.